

## Bas elektrik akan dimulakan di bandar besar

Januari 14, 2022 @ 1:40pm



Ismail Sabri (tiga, kanan) melawat kilang pemasangan bas elektrik penuh (EV) pada lawatan ke kilang pemasangan bas SKSBus Coachduilder, hari ini. - Foto BERNAMA

PUCHONG: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata penggunaan bas elektrik penuh akan dimulakan di Kuala Lumpur, Putrajaya dan bandar besar sebelum diperluaskan ke seluruh negara sebagai menyokong usaha kerajaan bagi negara mencapai status neutral karbon seawal 2050.


Beliau difahamkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sudah membuat tempahan 60 buah bas elektrik penuh daripada pengeluaran bas Kumpulan SKSBus yang akan diperoleh secara berperingkat bermula tahun ini hingga 2023.

Ismail Sabri berharap syarikat bas lain dapat mencontohi usaha DBKL yang memberikan perkhidmatan bas percuma GoKL yang menggunakan bas elektrik bagi menjayakan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia neutral karbon seawal 2050.

"Untuk mencapai sasaran negara menjadi neutral karbon seawal 2050, semua pihak perlu terbabit," katanya kepada media selepas melawat kilang integrasi bas elektrik penuh Kumpulan SKSBus, di Pulau Meranti di sini hari ini.



Ismail Sabri (tengah) menaiki bas elektrik penuh (EV) pada lawatan ke kilang pemasangan bas SKSBus Coachduilder, hari ini. - Foto BERNAMA



Pekerja SKSBus Coachduilder melakukan kerja-kerja pemasangan bas elektrik penuh (EV) hari ini. - Foto BERNAMA



Ismail Sabri menaiki bas elektrik penuh (EV) pada lawatan ke kilang pemasangan bas SKSBus Coachduilder, hari ini. - Foto BERNAMA



Ismail Sabri melawat kilang pemasangan bas elektrik penuh (EV) pada lawatan ke kilang pemasangan bas SKSBus Coachbuilder, hari ini. - Foto BERNAMA

Kumpulan SKSBus melalui unitnya SKS Coachbuilders Sdn Bhd mempunyai pengalaman lebih 50 tahun dalam industri pembinaan bas. Ia antara pengilang bas di Malaysia dengan pengesahan sebagai Barangan Buatan Malaysia dan dilengkapi dengan bantuan kilang robotik.

Kumpulan SKSBus sejak 2019 bekerjasama dalam bidang teknikal dengan Kumpulan CRRC China iaitu pengilang lokomotif elektrik dan *rolling stock* terbesar di dunia untuk membina bas elektrik penuh.

Bas elektrik penuh SKSBus mampu melengkapkan perjalanan sehingga 250 kilometer untuk sekali pengecasan. - BERNAMA